

Ubat kuat lelaki ada racun

Sinar harian 06/08/2010 MS

KUALA LUMPUR - Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai menasihatkan orang ramai supaya tidak menggunakan ubat-ubatan tidak berdaftar khasnya ubat kuat lelaki kerana ia mengandungi bahan racun.

Beliau berkata, rata-rata ubat kuat lelaki yang semakin berleluasa dijual di pasaran bercampur dengan bahan racun yang mengaktifkan perangsang seks lelaki seperti sildenafil, tadalafil dan verddanafil.

Bahan-bahan berkenaan adalah ubat yang digunakan untuk rawatan "erectile dysfunction" yang hanya boleh diberikan kepada pesakit oleh doktor atau ahli farmasi berlesen dengan preskripsi daripada seorang doktor.

Bercakap kepada media selepas melawat Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan di sini, semalam, beliau berkata, kesan sampingan ubat itu sangat mer-

bahaya kepada pesakit jika diambil tanpa pengawasan doktor. M3

"Adalah tidak berbaloi kepada mereka yang mengambil ubat kuat lelaki kerana ia mempunyai banyak kesan sampingan dan akan merosakkan badan," katanya.

Antara kemudaratan ubat itu ialah serangan jantung, strok, pendarahan otak, peningkatan tekanan darah, kehilangan pendengaran dan kehilangan penglihatan yang kadangkalanya kekal.

Menurutnya, produk mengandungi bahan-bahan aktif perangsang seks lelaki itu juga semakin dipelbagaikan dan mudah didapati dalam bentuk minuman seperti kopi dan 'ice lemon tea'.

"Saya rasa sudah tiba masanya kita menghentikan semua perkara menggarut dan penyalahgunaan ubat ini," katanya.